| Bil | Perkara | Maklumat / Hebahan Program |
|---|---|---|
| 1. | Tajuk Program / Aktiviti :<br>#  | Program Kempen Keselamatan Di Air di Kapit dan Song, Sarawak |
| 2. | Tarikh Mula / Tarikh Akhir : | 02 – 03 Mei 2018 |
| 3. | Tempat : | 1. Jeti Terminal Penumpang Kapit,<br>2. Jeti Bot Panjang Kapit,<br>3. Jeti Terminal Penumpang Song. |
| 4. | Anjuran : | Bahagian Keselamatan Pelayaran, Jabatan Laut Wilayah Sarawak |
| 5. | Ringkasan Program / Aktiviti: | Program anjuran Unit Khidmat Kecemasan, Bahagian Keselamatan Pelayaran, Jabatan Laut Wilayah Sarawak telah disambut baik oleh komuniti setempat. Kehadiran YB Jefferson Jamit ADUN Bukit Goram serta Dr. Julyus Melvin Mobilik mewakili Pengarah Laut Wilayah Sarawak telah memberi impak yang positif kepada masyarakat di Kapit yang merupakan pengguna utama perkhidmatan bot-bot panjang dan bot ekpress yang beroperasi di sepanjang Sungai Rajang.<br><br>Diakhir program ini, pihak Jabatan telah mengagihkan beberapa jaket keselamatan kepada seramai 22 pengusaha bot-bot panjang. Ini adalah merupakan salah satu objektif utama program tersebut dianjurkan oleh Jabatan iaitu membina hubungan erat dengan masyarakat setempat.<br><br>Penglibatan Program :<br>1. YB ADUN Bukit Goram;<br>2. Pejabat Residen Bahagian Kapit;<br>3. Pejabat Daerah Kapit;<br>4. Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (Kapit);<br>5. Jabatan Penyiaran Bahagian Sarawak (liputan berita);<br>6. Jabatan Penerangan Bahagian Kapit (hebahan melalui radio bahasa Iban);<br>7. Pengusaha-pengusaha bot panjang;<br>8. Penduduk setempat di Kapit dan Song.<br><br>Objektif Program :<br>1. Memberi penerangan berhubung kepentingan keselamatan di air kepada pengguna-pengguna yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan bot ekpress dan bot panjang sebagai salah satu sistem perhubungan utama; |

| | | |
|---|---|---|
| | | 2. Berkongsi maklumat berhubung pengoperasian bot-bot ekpress dan bot-bot panjang di Kapit bagi tujuan penambahbaikan;<br>3. Membina hubungan erat dengan masyarakat setempat. |
| 6. | Gambar<br>(sekurang-kurangnya 5 keping beserta caption dalam BM & B. Inggeris) | <br>Pengagihan risalah keselamatan kepada pengguna bot panjang di Jeti Penumpang Kapit / *Distribution of safety brochures to long boat user's at Kapit Passanger's Jetty.* |

| | | |
|---|---|---|
| | | <br><br>Serahan risalah dan CD keselamatan kepada jurumudi bot ekpress / *Given to safety brochures and CD to express boat master's.* |
| | | <br>Penerangan keselamatan kepada penumpang bot ekpress / *Safety explanation to express boat passanger's.* |

| | | |
|---|---|---|
| | | <br>Pengagihan jaket keselamatan kepada pengusaha bot panjang oleh YB Jefferson Jamit / *Distribution of life jacket to long boat owner's by YB Jefferson Jamit.* |
| | |  |

| | | |
|---|---|---|
| | | Penyampaian cenderahati oleh Dr. Julyus Melvin Mobilik kepada YB Jefferson Jamit / *Presentation of souvenirs by Dr. Julyus Melvin Mobilik to YB Jefferson Jamit* |
| | | <br>Penerangan ringkas oleh JLWS kepada YB Jefferson Jamit berhubung program yang dianjurkan oleh Jabatan / *Brief description by JLWS to YB Jefferson Jamit regarding the programme organized by the department.* |

| | | |
|---|---|---|
| | |  Bergambar bersama penerima jaket keselamatan dari JLWS / *Picture together life jacket recipient's by JLWS.* |

Laporan disediakan oleh :

.................................................................
(Zulkifli bin Damin)
(Penolong Pegawai Laut A36)
Tarikh: 07 Mei 2018